

## Kadar indeks jenayah di Labuan turun 28.9 peratus

LABUAN: Kadar indeks jenayah di Labuan untuk tempoh enam bulan pertama tahun ini turun 28.9 peratus kepada 91 kes berbanding 128 kes dalam tempoh sama tahun lepas, kata Ketua Polis Labuan Supt Muhammad Farid Ahmad.

Beliau mengaitkan penurunan indeks jenayah itu dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak 18 Mac.

Menurutnya, kes pecah rumah berkurangan sebanyak 11.76 peratus daripada 34 kes bagi tempoh Januari-5 Julai tahun lepas kepada 30 kes tahun ini.

"Susulan pelaksanaan sekatan jalan raya harian di tiga jalan utama di sini serta rondaan polis di semua kawasan semasa PKP, indeks jenayah turun dengan ketara.

"Penguatkuasaan PKP yang menyebabkan orang ramai berada di rumah telah menyumbang kepada penurunan kes pecah rumah. Kebanyakan kes yang direkodkan itu adalah sebelum PKP," katanya kepada *Bernama* pada Selasa.

Katanya, terdapat sekurang-kurangnya sembilan kes jenayah keganasan dan 82 jenayah harta benda termasuk kecurian direkodkan dari Januari hingga 5 Julai tahun ini.

Beliau turut menggesa orang ramai supaya terus menjadi mata dan telinga kepada polis dengan menyalurkan maklumat mengenai sebarang kegiatan jenayah kepada pihak berkuasa untuk menjamin ketenteraman dan keselamatan awam di kawasan masing-masing. - *Bernama*